

# Gubal undang-undang khas atasi amalan sihir, khurafat



Penyarah Kanan  
Pusat Sains  
Komunikasi  
Universiti Malaysia  
Pahang (UMP)

Ukhu Dr Mahyudin Ismail  
bhrencana@bh.com.my

**Amalan** perubatan tradisional meluas digunakan dalam komuniti kita, namun membimbangkan apabila ada kaedah digunakan menyalahi akidah, syariat, nilai dan adab.

Ita bukan sahaja menimbulkan mudarat dari sudut hubungan sosial dan harta benda, malah turut membabitkan nyawa individu.

Yang jelas, kebanyakan tilik dilakukan bomoh atau pawang berpunca bisikan dan perkhobaran ghaib disampaikan syaitan.

Sebagai musuh paling ketat manusia, sudah pasti syaitan akan memasukkan pelbagai pembobongan dan tipu daya dalam bisikan supaya manusia mendapat kecelakaan.

Kepercayaan kepada tilik dan ramalan sangat berbahaya. Di India dan Afrika, kepercayaan kepada unsur sebegini dilakukan seorang bomoh (sango-mas) boleh menyebabkan orang yang dituduh ditahan dan dibunuh.

Negara berkenaan menguatkuasakan beberapa undang-undang untuk menyekat amalan terbabit. Antaranya Tanzanian Witchcraft Ordinance 1928, Rhodesian Witchcraft Suppression Ordinance 1899, South African Witchcraft Suppression Act 1957, Bihar Prevention of Witch (Dayan) Practices Act 1999, Jharkhand Anti Witchcraft Act 2001, Chhattisgarh

Tonahli Pratadna Nivaran Act 2005, Odisha Prevention of Witch-hunting Act 2013 dan Rajasthan Prevention of Witch-Hunting Act 2015.

Di Eropah, berlaku gerakan memburu dan menghukum pengamal sihir sekitar kurun ke-17 dan ke-18. Mahkamah pada masa itu mengguna pakai satu kaedah keterangan dikenali *spectral evidence* atau bukti spektrum.

Ita secara umum merujuk kaedah keterangan yang mana seseorang (khususnya pengamal perubatan tradisional dikenali *witch doctor* atau doktor sihir dikatakan dapat menilik siapakah pengamal sihir.

Kaedah ini menyebabkan ribuan orang awam ti-

dak bersalah dihukum kerana didakwa doktor sihir sebagai terbabit amalan sihir.

Di Malaysia, perkara hampir sama juga berlaku. Khidmat bomoh atau pawang untuk mengesan barang hilang atau mengesan siapa dalang punca penyakit misteri, sering digunakan.

Dari sudut perundangan, belum ada satu peruntukan boleh menyekat aktiviti ini secara tuntas di Malaysia. Walaupun Akta Perubatan Tradisional dan Komplementari 2016 dikuatkuasakan, ia tidak mempunyai peruntukan khas untuk menangani kegiatan seumpama ini.

Tugas dan peranan diserahkan kepada badan pengamal. Malangnya, ada sesetengah menerima kaedah menilik, meramal dalam kaedah rawatan mereka.

Sementara Enakmen Jenayah Syariah di negeri-negeri Malaysia pula hanya memperuntukkan kesalahar pemujaan sebagai salah, tanpa menumpukan kepada isu lain yang lebih memerlukan pembanteraan seperti perbuatan menilik, meramal, menyapan bahan puja dan seumpamanya.

Yang pasti, tilikan dan ramalan oleh sesiapa sahaja tidak boleh dijadikan asas menghukum seseorang.

Dalam undang-undang, tuduhan perlu dibuktikan dan tidak memadai hanya dengan percaya kepada perkhobaran ghaib diperolehi melalui mimpi, tilikan, bisikan, kasyaf, ilham dan seumpamanya.

Justeru, penting untuk pihak berkuasa menubuhkan undang-undang lebih tekal bagi menangani at khurafat serta tidak masuk akal oleh pengamal perubatan sebegini.

